

TADBIR URUS KORPORAT

Reputasi profesional kami dan kepercayaan pelanggan dan pemegang saham kami adalah aset kami yang paling berharga. Kami sentiasa menyemak semula amalan perniagaan kami untuk memastikan ia mematuhi standard tadbir urus korporat yang tinggi. Asas rangka kerja tadbir urus korporat Kumpulan termasuk kumpulan majoriti ahli lembaga bebas yang mempunyai kemahiran dan pengalaman yang perlu untuk memberikan panduan dan nasihat kepada Kumpulan. Kumpulan juga mempunyai sistem kawalan dalaman dan pengurusan risiko serta kumpulan pengurusan kanan yang profesional dan berkeupayaan untuk urusan harian bidang-bidang perniagaan Kumpulan.

PROSPEK UNTUK TAHUN KEWANGAN 2005

Bagi separuh pertama 2004, ekonomi telah kembali berkembang walaupun terdapat tahap ketidaktentuan yang lebih ketara di peringkat global. Pertumbuhan ekonomi yang kukuh dan permintaan luaran yang tinggi nampaknya berjaya mengatasi ketidaktentuan pasaran modal akibat harga sumber tenaga yang tinggi dan aktiviti pengganas yang berterusan. Bank Pembangunan Asia baru-baru ini telah menaikkan ramalan ekonomi 2004 bagi rantau ini dengan menyebut pertumbuhan eksport separuh pertama yang lebih cepat dan peningkatan semula pelaburan persendirian.


Dengan prospek ekonomi yang semakin positif ini, kami yakin bahawa jika kami kekal fokus dalam setiap keupayaan teras kami berdasarkan tiga strategi menyeluruh utama: membina perhubungan pelanggan yang lebih mantap dan menguntungkan, mengoptimumkan penggunaan sumber pemegang saham dan insan, dan membina kekuatan teras, kami boleh mencapai banyak lagi dan mengukuhkan lagi kekuatan francais perbankan pelaburan kami.

PENGHARGAAN

Walaupun dengan cabaran yang dihadapi, kami percaya Kumpulan bersedia untuk menyatukan kekuatan kami dan mengambil kelebihan daripada peluang baru ini dan mencapai kedudukan yang lebih baik. Kami mengucapkan terima kasih kepada para pelanggan dan rakan niaga kami, bank-bank, Bank Negara Malaysia, Suruhanjaya Sekuriti, Bursa Malaysia dan Kerajaan Malaysia atas panduan dan sokongan mereka yang berterusan.

Saya mengambil peluang ini untuk mengucapkan terima kasih kepada Lembaga Pengarah, terutama sekali Y Bhg Dato' Azlan Hashim, Y Bhg Dato' Mohd Tahir Haji Abdul Rahim dan Y Bhg Dato' Malek Merican yang bersara tahun ini setelah sekian lama memberi khidmat kepada Lembaga. Saya amat menghargai sumbangan mereka dan pada masa yang sama saya mengalu-alukan kedatangan tiga ahli Lembaga yang baru: Y Bhg Tan Sri Datuk Dr Aris Othman, Y Bhg Tan Sri Datuk Clifford Francis Herbert dan Y Bhg Dato' Izham Mahmud. Saya yakin mereka dapat memberikan panduan yang berguna kepada pengurusan kumpulan perbankan pelaburan melalui pengalaman, pengetahuan pasaran dan kemahiran mereka yang luas.

Kemajuan dan pencapaian kami dalam pasaran modal adalah hasil usaha dan sumbangan yang padu dan berterusan oleh Lembaga, pasukan pengurusan dan staf. Saya amat menghargai komitmen dan sumbangan mereka yang tidak mengira penat lelah.



Tan Sri Dato' Azman Hashim
Pengerusi

Kuala Lumpur
18 November 2004

Tadbir Urus Korporat

Lembaga komited sepenuhnya dalam memastikan yang prinsip dan amalan terbaik dalam tadbir urus diguna pakai secara konsisten di dalam Syarikat dan di seluruh Kumpulan. Syarikat mematuhi Amalan Terbaik dalam Tadbir Urus Korporat seperti yang dinyatakan dalam Bahagian 2 Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia.

LEMBAGA PENGARAH

Lembaga mengawasi pengurusan keseluruhan perniagaan dan hal ehwal Kumpulan AmMerchant Bank Berhad (Kumpulan) dengan matlamat meningkatkan nilai pemegang saham. Selain daripada menentukan strategi keseluruhan Kumpulan dan mengawasi Pengurusan Kanan Kumpulan, Lembaga kerap bermesyuarat untuk mengkaji perkara-perkara utama di bidang strategi, kewangan, struktur dan organisasi serta pembangunan perniagaan (tertakluk kepada perkara yang dirizabkan untuk mesyuarat pemegang saham mengikut undang-undang). Lembaga meluluskan pelan strategik kumpulan dan pelan kewangan tahunan yang dibangunkan oleh pihak pengurusan Kumpulan dan mengkaji prestasi dan keberkesanan unit-unit perniagaan Kumpulan. Ia membentuk garis panduan untuk keseluruhan perniagaan, polisi risiko dan kawalan, peruntukan modal dan meluluskan perubahan utama dalam aktiviti perniagaan Kumpulan, termasuk urus niaga pinjaman dan meminjam serta pembangunan perniagaan utama seperti pengambilalihan dan penghapusan perniagaan atau aset, pelaburan atau perniagaan baru, penggabungan, perkongsian perniagaan dan persekutuan serta juga menimbang perkara lain yang menjadi kepentingan strategik Kumpulan.

20

a Komposisi Lembaga

Lembaga pada masa ini terdiri daripada tujuh (7) orang pengarah yang mempunyai kemahiran dan pengalaman luas, yang mana empat (4) adalah Pengarah Bukan Eksekutif Bebas. Terdapat kesimbangan Lembaga yang sihat dengan lebih daripada 50.0% ahli Lembaga merupakan Pengarah Bukan Eksekutif Bebas. Para Pengarah Bukan Eksekutif Bebas adalah daripada latar belakang perniagaan yang berbeza dan pengalaman mereka membolehkan mereka melaksanakan pertimbangan yang bebas dan penyertaan yang objektif di dalam prosiding serta proses membuat keputusan Lembaga.

Para Pengarah menyertai sepenuhnya dalam proses membuat keputusan isu-isu utama berkaitan Syarikat dan subsidiarinya. Pandangan para Pengarah Bukan Eksekutif Bebas membawa pengaruh yang besar dalam keputusan Lembaga dan mereka memenuhi peranan masing-masing dalam memastikan strategi yang dicadangkan oleh pihak pengurusan dibincangkan dan diperiksa sepenuhnya serta memastikan kepentingan pemegang saham dan pemegang kepentingan Syarikat dijaga dengan sewajarnya.

b Mesyuarat Lembaga

Mesyuarat Lembaga dijadualkan setiap bulan dengan mesyuarat tambahan atau khas Lembaga diadakan jika dan apabila perlu. Semua pengarah mengkaji laporan lembaga bulanan yang diedarkan mengikut jadual sebelum mesyuarat Lembaga untuk membolehkan para pengarah memperoleh penjelasan yang lebih lanjut di mana perlu. Bagi mendapat penjelasan yang cukup, pasukan Pengurusan Kanan Kumpulan dijemput menghadiri Mesyuarat Lembaga untuk memberikan Lembaga persembahan, penerangan terperinci dan penjelasan tentang perkara yang dibawa ke Lembaga.

Sebagai lembaga penuh atau dalam kapasiti individu masing-masing, para pengarah mempunyai akses untuk semua maklumat di dalam Syarikat dan nasihat serta khidmat Setiausaha Syarikat Kumpulan. Setiausaha Syarikat menghadiri semua mesyuarat Lembaga dan memastikan prosedur Lembaga diikuti dan peraturan yang berkaitan dipatuhi. Nasihat profesional bebas juga disediakan untuk para Pengarah jika perlu menggunakan perbelanjaan Syarikat.

Semasa tahun kewangan, 11 mesyuarat lembaga telah diadakan. Kehadiran para pengarah semasa tempoh perkhidmatan mereka bagi tempoh tersebut adalah seperti berikut:

Para Pengarah	Bil. Mesyuarat Diadakan/ Dihadiri Bagi TK2004
Y Bhg Tan Sri Dato' Azman Hashim <i>Pengerusi Bukan Eksekutif Bukan Bebas</i>	11/11
Y Bhg Dato' Azlan Hashim <i>Naib Pengerusi Bukan Eksekutif Bukan Bebas (bersara pada 19 Disember 2003)</i>	8/8
Y Bhg Prof Tan Sri Dato' Dr Mohd Rashdan Haji Baba <i>Pengarah Bukan Eksekutif Bebas</i>	11/11
Y Bhg Tan Sri Datuk Dr Aris Othman <i>N Pengarah Bukan Eksekutif Bebas (dilantik pada 1 April 2004)</i>	t.b.
Y Bhg Tan Sri Datuk Clifford Francis Herbert <i>Pengarah Bukan Eksekutif Bebas (dilantik pada 16 April 2004)</i>	t.b.
Y Bhg Dato' Izham bin Mahmud <i>Pengarah Bukan Eksekutif Bebas (bersara pada 16 Oktober 2003)</i>	5/5
Y Bhg Dato' Mohd Tahir Haji Abdul Rahim <i>Pengarah Bukan Eksekutif Bebas (bersara pada 19 Disember 2003)</i>	8/8
Y Bhg Datuk Malek Merican <i>Pengarah Bukan Eksekutif Bebas (bersara pada 6 Mei 2004)</i>	9/11
Encik Cheah Tek Kuang <i>Pengarah Urusan Kumpulan</i>	11/11
Encik Kok Tuck Cheong <i>Pengarah Eksekutif</i>	11/11

t. b. - tidak berkenaan kerana pelantikan selepas 31 Mac 2004

C Pemilihan Semula

Menurut Tataurusan Syarikat, semua Pengarah yang dilantik oleh Lembaga tertakluk kepada pemilihan oleh para pemegang saham pada mesyuarat agung yang akan datang selepas pelantikan mereka. Tataurusan juga menggariskan bahawa para Pengarah tertakluk kepada pemilihan semula mengikut pusingan pada setiap Mesyuarat Agung Tahunan sekurang-kurangnya sekali setiap tiga tahun.

D Latihan Para Pengarah

Sebagai sebahagian daripada proses pelantikan pengarah baru, terdapat program suai kenal dalaman bagi para ahli Lembaga yang baru untuk mengenali dan memberikan mereka gambaran keseluruhan tentang perniagaan Kumpulan, pasaran operasinya, tanggungjawab dan tugas Lembaga secara keseluruhan, strategi korporat dan pengurusan risiko serta kekangan dan pematuhan pengawasannya.

Para ahli Lembaga menghadiri seminar, Program Pendidikan Berterusan Bursa Malaysia Securities Berhad (BMSB), persidangan dan pelbagai program latihan lain untuk mengetahui perkembangan industri perkhidmatan kewangan dan urusan dibuat untuk mereka menghadiri program oleh Jabatan Pembangunan Organisasi Kumpulan.

JAWATANKUASA LEMBAGA

Lembaga membahagikan tanggungjawab tertentu kepada Jawatankuasa Lembaga. Jawatankuasa yang ditubuhkan untuk membantu Lembaga dalam bidang perbincangan tertentu adalah:

1. Jawatankuasa Pencalonan
2. Jawatankuasa Imbuhan
3. Jawatankuasa Audit & Pemeriksaan
4. Jawatankuasa Pengurusan Risiko

a Jawatankuasa Pencalonan

Jawatankuasa ini terdiri daripada sekurang-kurangnya lima (5) ahli, yang mana sekurang-kurangnya empat (4) ahli terdiri daripada pengarah bukan eksekutif dan Pengerusi jawatankuasa ini hendaklah pengarah bebas bukan eksekutif. Jawatankuasa bertanggungjawab untuk kerap mengkaji struktur, saiz dan komposisi Lembaga serta membuat cadangan kepada Lembaga tentang sebarang penyesuaian yang dianggap perlu. Ia juga mencadangkan pelantikan pengarah bagi jawatankuasa Lembaga serta mengkaji keperluan gabungan kemahiran dan pengalaman dan kualiti setiap tahun serta kebolehan lain yang perlu dibawa oleh pengarah bukan eksekutif ke dalam Lembaga. Jawatankuasa mencadangkan Y Bhg Tan Sri Datuk Aris Othman, Y Bhg Tan Sri Datuk Clifford Francis Herbert dan Y Bhg Dato' Izham Mahmud dan mereka telah dilantik menyertai Lembaga dalam tahun kewangan semasa. Tiga daripada pengarah bukan eksekutif yang telah lama berkhidmat bersara daripada Lembaga selaras dengan amalan tadbir urus korporat yang baik.

Lembaga Pengarah melalui cadangan oleh Jawatankuasa Pencalonan telah juga meluluskan mekanisme untuk penilaian formal bagi keberkesanan Lembaga secara keseluruhannya dan sumbangan setiap Pengarah terhadap keberkesanan Lembaga.

Dalam melaksanakan fungsi dan tugas mereka, Jawatankuasa Pencalonan telah bermesyuarat sebanyak lima (5) kali semasa tahun kewangan. Kehadiran ahli adalah seperti berikut:

Para Pengarah	Bil. Mesyuarat Diadakan/ Dihadiri Bagi TK2004
Y Bhg Prof Tan Sri Dato' Dr Mohd Rashdan Haji Baba <i>Pengerusi Jawatankuasa (Pengarah Bukan Eksekutif Bebas)</i>	5/5
Y Bhg Dato' Mohd Tahir Haji Abdul Rahim <i>Pengarah Bukan Eksekutif Bebas (bersara pada 19 Disember 2003)</i>	4/4
Y Bhg Tan Sri Dato' Azman Hashim <i>Pengerusi Bukan Eksekutif Bukan Bebas Syarikat dan bekas Pengerusi Jawatankuasa (bersara pada 26 Mei 2004)</i>	3/5
Y Bhg Dato' Azlan Hashim <i>Pengarah Bukan Eksekutif Bukan Bebas (dilantik pada 25 Jun 2003) (bersara pada 19 Disember 2003)</i>	1/2
Y Bhg Tan Sri Datuk Dr Aris Othman <i>Pengarah Bukan Eksekutif Bebas (dilantik pada 26 Mei 2004)</i>	t.b.
Y Bhg Tan Sri Datuk Clifford Francis Herbert <i>Pengarah Bukan Eksekutif Bebas (dilantik pada 26 Mei 2004)</i>	t.b.
Y Bhg Dato' Malek Merican <i>Pengarah Bukan Eksekutif Bebas (dilantik pada 19 Disember 2003) (bersara pada 6 Mei 2004)</i>	1/1
Y Bhg Dato' Izham Mahmud <i>Pengarah Bukan Eksekutif Bebas (dilantik pada 19 Disember 2003)</i>	1/1
Encik Cheah Tek Kuang <i>Pengarah Urusan (dilantik pada 25 Jun 2003)</i>	2/3

t. b. - tidak berkenaan kerana pelantikan selepas 31 Mac 2004

b Jawatankuasa Imbuhan

Jawatankuasa Imbuhan terdiri daripada tiga (3) pengarah bukan eksekutif dan Pengerusi jawatankuasa ini hendaklah pengarah bukan eksekutif. Jawatankuasa bertanggungjawab menentukan dan mengesyorkan kepada Lembaga rangka kerja atau polisi lembaga bagi imbuhan para Pengarah, Ketua Pegawai Eksekutif dan pegawai pengurusan kanan syarikat yang lain.

Imbuhan para Pengarah ditentukan pada paras yang membolehkan Kumpulan menarik dan mengekalkan mereka yang mempunyai pengalaman dan kemahiran berkaitan yang diperlukan untuk membantu menguruskan Kumpulan dengan berkesan.

Dalam melaksanakan fungsi dan tugas mereka, Jawatankuasa Imbuhan telah bermesyuarat sebanyak lima (5) kali semasa tahun kewangan. Kehadiran ahli adalah seperti berikut:

Para Pengarah	Bil. Mesyuarat Diadakan/ Dihadiri Bagi TK2004
Y Bhg Prof Tan Sri Dato' Dr Mohd Rashdan Haji Baba <i>Pengerusi Jawatankuasa, Pengarah Bukan Eksekutif Bebas</i>	5/5
Y Bhg Tan Sri Dato' Azman Hashim <i>Pengerusi Bukan Eksekutif Bukan Bebas Syarikat (dilantik pada 19 Disember 2003) (bersara pada 26 Mei 2004) (dilantik pada 28 September 2004)</i>	0/0*
Y Bhg Dato' Mohd Tahir Haji Abdul Rahim <i>Pengarah Bukan Eksekutif Bebas (bersara pada 19 Disember 2003)</i>	5/5
Y Bhg Dato' Azlan Hashim <i>Pengarah Bukan Eksekutif Bukan Bebas (bersara pada 19 Disember 2003)</i>	4/5
Y Bhg Tan Sri Datuk Dr Aris Othman <i>Pengarah Bukan Eksekutif Bebas (dilantik pada 26 Mei 2004)</i>	t.b.
Y Bhg Dato' Izham Mahmud <i>Pengarah Bukan Eksekutif Bebas (dilantik pada 19 Disember 2003)</i>	0/0*

* Tiada mesyuarat diadakan antara 19 Disember 2003 dan 31 Mac 2004.
t. b. - tidak berkenaan kerana pelantikan selepas 31 Mac 2004

Imbuhan Para Pengarah

Imbuhan bagi semua Pengarah ditentukan bagi memastikan Kumpulan mampu menarik dan mengekalkan Pengarah yang berkaliber yang mempunyai kemahiran dan pengalaman yang perlu untuk menguruskan Kumpulan dengan jayanya.

Jawatankuasa Imbuhan bertanggungjawab mengesyorkan rangka kerja imbuhan bagi para Pengarah.

Lembaga secara keseluruhannya menentukan imbuhan bagi para Pengarah bukan eksekutif dan para Pengarah eksekutif Kumpulan dengan para Pengarah yang berkepentingan dikecualikan daripada perbincangan mengenai imbuhan mereka.

Butiran setiap elemen utama imbuhan para Pengarah dilampirkan pada Nota di dalam Penyata Kewangan.

c Jawatankuasa Audit & Pemeriksaan

Lembaga telah melantik Jawatankuasa Audit dan Pemeriksaan ('Jawatankuasa Audit'), yang terdiri daripada pengarah bukan eksekutif dan Pengerusi Jawatankuasa hendaklah pengarah bebas bukan eksekutif, bagi membantu menuaikan tanggungjawabnya mengekalkan sistem kawalan dalaman yang kukuh untuk melindungi aset Kumpulan dan pelaburan para pemegang saham.



Keahlian & Mesyuarat

Jawatankuasa Audit & Pemeriksaan terdiri dari ahli-ahli berikut dan maklumat kehadiran setiap ahli pada mesyuarat Jawatankuasa yang diadakan sepanjang tahun kewangan berakhir 31 Mac 2004 adalah seperti berikut:

Para Pengarah	Bil. Mesyuarat Diadakan/ Dihadiri Bagi TK2004
Y Bhg Prof Tan Sri Dato' Dr Mohd Rashdan Haji Baba <i>Pengerusi Jawatankuasa, Pengarah Bukan Eksekutif Bebas</i>	10/10
Y Bhg Tan Sri Dato' Azman Hashim <i>Pengerusi Bukan Eksekutif Bukan Bebas Syarikat (dilantik pada 19 Disember 2003) (bersara pada 26 Mei 2004)</i>	2/2
Y Bhg Dato' Mohd Tahir Haji Abdul Rahim <i>Pengarah Bukan Eksekutif Bebas (bersara pada 19 Disember 2003)</i>	8/8
Y Bhg Dato' Azlan Hashim <i>Pengarah Bukan Eksekutif Bukan Bebas (bersara pada 19 Disember 2003)</i>	6/8
Y Bhg Tan Sri Datuk Clifford Francis Herbert <i>Pengarah Bukan Eksekutif Bebas (dilantik pada 26 Mei 2004)</i>	t.b.
Y Bhg Dato' Izham Mahmud <i>Pengarah Bukan Eksekutif Bebas (dilantik pada 19 Disember 2003)</i>	2/2

t. b. - tidak berkenaan kerana pelantikan selepas 31 Mac 2004

Pengarah Urusan Kumpulan dan Pengarah Eksekutif AmMerchant Bank dan para wakil juruaudit luaran dijemput menghadiri mesyuarat Jawatankuasa yang berkaitan.

d Jawatankuasa Pengurusan Risiko

Jawatankuasa Pengurusan Risiko mengawasi keseluruhan pengurusan semua risiko yang memberi impak kepada Kumpulan. Ia terdiri daripada para Pengarah bukan eksekutif dan dipengerusikan oleh Pengarah bukan eksekutif bebas untuk memastikan ianya bebas daripada pihak pengurusan kerana Jawatankuasa inilah yang mengkaji dan meluluskan polisi pengurusan risiko dan had toleransi risiko.


Para Pengarah	Bil. Mesyuarat Diadakan/ Dihadiri Bagi TK2004
Y Bhg Dato' Izham Mahmud <i>Pengerusi Jawatankuasa, Pengarah Bukan Eksekutif Bebas (dilantik pada 19 Disember 2003)</i>	1/1
Y Bhg Prof Tan Sri Dato' Dr Mohd Rashdan Haji Baba <i>Pengarah Bukan Eksekutif Bebas dan bekas Pengerusi Jawatankuasa</i>	4/4
Y Bhg Tan Sri Dato' Azman Hashim <i>Pengerusi Bukan Eksekutif Bukan Bebas Syarikat (dilantik pada 19 Disember 2003) (bersara pada 26 Mei 2004)</i>	1/1
Y Bhg Tan Sri Datuk Clifford Francis Herbert <i>Pengarah Bukan Eksekutif Bebas (dilantik pada 26 Mei 2004)</i>	t.b.
Y Bhg Dato' Azlan Hashim <i>Pengarah Bukan Eksekutif Bukan Bebas (bersara pada 19 Disember 2003)</i>	3/3
Y Bhg Dato' Mohd Tahir Haji Abdul Rahim <i>Pengarah Bukan Eksekutif Bebas (dilantik pada 25 Jun 2003) (bersara pada 19 Disember 2003)</i>	2/2

t. b. - tidak berkenaan kerana pelantikan selepas 31 Mac 2004



KENYATAAN TANGGUNGJAWAB

Lembaga Pengarah dikehendaki oleh Akta Syarikat 1965 untuk menyediakan laporan kewangan bagi setiap tahun kewangan, yang memberikan gambaran sebenar dan adil mengenai keadaan, hasil dan aliran tunai Syarikat dan Kumpulan pada penghujung tahun kewangan. Selepas perbincangan dengan juruaudit, para Pengarah menganggap Syarikat menggunakan pakai polisi perakaunan yang sewajarnya yang dilaksanakan dan disokong secara konsisten oleh pertimbangan dan perkiraan yang sepatutnya serta berhemat, dan semua standard perakaunan yang mereka anggap perlu diguna pakai telah diikuti semasa penyediaan penanyaan kewangan.



Lembaga Pengarah bertanggungjawab memastikan Kumpulan menyimpan rekod perakaunan yang menunjukkan kedudukan kewangan Syarikat dengan tepat untuk membolehkan mereka memastikan penanyaan kewangan mematuhi Akta Syarikat 1965.

Lembaga dan Jawatankuasa Lembaga bertanggungjawab secara amnya untuk mengambil langkah-langkah yang sewajarnya untuk menjaga aset Kumpulan dan menghalang serta mengesan penipuan serta kejanggalan yang lain.

PERHUBUNGAN DENGAN JURUAUDIT

Tetuan Deloitte KassimChan (Deloitte) adalah juruaudit berkanun luar Syarikat dan juruaudit bagi akaun terkumpulnya. Deloitte mengambil semua fungsi audit yang mana diperlukan oleh undang-undang. Mereka diundi oleh para pemegang saham Syarikat mengikut kitaran.

Selaras dengan amalan tadbir urus yang baik, Lembaga melalui Jawatankuasa Audit & Pemeriksaan telah menjalankan kajian semula juruaudit luar dan fungsi audit luar kerana Deloitte telah menjadi juruaudit Syarikat sejak lebih sedekad. Berikut dengan itu, Jawatankuasa Audit telah mencadangkan dan Lembaga telah menerima cadangan bahawa juruaudit luar diktarkan. Deloitte telah bersetuju dengan keperluan untuk kitaran dan telah memberi tanda bahawa mereka tidak mahukan pemilihan semula. Jawatankuasa telah mencadangkan bahawa Tetuan Ernst & Young dilantik sebagai juruaudit berkanun Kumpulan untuk berkhidmat sehingga tamatnya Mesyuarat Agung Tahunan akan datang. Pemegang saham utama telah mencadangkan Tetuan Ernst & Young dilantik sebagai juruaudit berkanun Kumpulan.

Peranan Jawatankuasa Audit & Pemeriksaan berkaitan dengan juruaudit luar dijelaskan lagi di seksyen Audit dan Jawatankuasa.

a Yuran Audit

Jumlah yuran audit berkanun dan bukan berkanun (kecuali perbelanjaan dan cukai perkhidmatan) yang dikenakan oleh Deloitte semasa tahun kewangan berakhir 2004 berjumlah RM234,000.

b Yuran Bukan Audit

Jumlah yuran bukan audit (kecuali perbelanjaan dan cukai perkhidmatan) yang dikenakan oleh Deloitte untuk perkhidmatan yang dilaksanakan untuk Kumpulan bagi tahun kewangan berakhir 2004 berjumlah RM22,000.

PENYATA KAWALAN DALAMAN

Lembaga Pengarah bertanggungjawab ke atas kawalan dalam Kumpulan, yang mana direka untuk memastikan keberkesan dan kecekapan operasi, kawalan dalaman, termasuk laporan kewangan, dan pematuhan terhadap undang-undang dan peraturan. Dalam mengadakan dan mengkaji sistem kawalan dalam, para Pengarah telah mengambil kira keadaan risiko yang berkaitan, kemungkinan kerugian akan berlaku dan kos untuk mengawalnya. Oleh itu, boleh dikatakan bahawa sistem kawalan dalaman hanya boleh memberikan keyakinan yang dapat diterima tetapi tidak sepenuhnya terhadap risiko kerugian material. Kumpulan telah menggunakan pakai pendekatan yang berkoordinat dan rasmi untuk kawalan dalaman dan pengurusan risiko. Persekutaran yang peka risiko dan menyedari kawalan dipupuk di seluruh Kumpulan melalui jawatankuasa lembaga subsidiarinya, termasuk Jawatankuasa Eksekutif Pengarah dan Jawatankuasa Pengarah Pengurusan Risiko. Jawatankuasa lembaga ini disokong oleh Jabatan Pengurusan Risiko, Jabatan Perundungan dan Pematuhan selain daripada Jabatan Audit Dalaman Kumpulan.

Lembaga melalui Jawatankuasa dan Pemeriksaan kerap mengkaji proses kawalan dan penilaian diri yang sedang berjalan. Bagi membantu Lembaga memenuhi tanggungjawabnya, Jabatan Audit Dalaman telah memperkenalkan kad pengiraan risiko perniagaan untuk semua unit perniagaan di dalam Kumpulan. Kad pengiraan risiko perniagaan adalah alat untuk mengenal pasti dan menyusun secara sistematik semua risiko yang timbul daripada aktiviti sebuah unit, fungsi atau jabatan dan untuk mengenal pasti langkah dan kawalan untuk mengurangkan dan menguruskan risiko. Kad pengiraan kemudiannya akan dikaji semula dengan kerap dan dikemaskinikan sekiranya terdapat perubahan dalam profil risiko masing-masing.

Jabatan Audit Dalaman juga menjalankan audit berdasarkan risiko secara bebas bagi memastikan sistem kawalan dalaman yang diwujudkan untuk mengurangkan risiko yang dikenal pasti pada Kad Pengiraan Risiko Perniagaan adalah berkesan dan beroperasi dengan memuaskan.

Keberkesan sistem kawalan dalaman dikaji dari masa ke semasa oleh Lembaga dan Jawatankuasa Audit & Pemeriksaan yang menerima laporan kajian yang dilaksanakan oleh Jabatan Audit Dalaman.



LAPORAN JAWATANKUASA AUDIT & PEMERIKSAAN

Terma Rujukan

Fungsi Jawatankuasa adalah seperti berikut:-

- (a) Memberikan bantuan dan mengkaji semula dan melaporkan kepada Lembaga mengenai:
 - a. memenuhi tanggungjawab berkanun dan fidusiari bagi Syarikat/ Kumpulan; dan
 - b. mengawal amalan perakaunan dan laporan kewangan Syarikat/ Kumpulan;
- (b) Untuk menentukan Syarikat/ Kumpulan mempunyai polisi, prosedur dan garis panduan mantap yang mencukupi, kawalan operasi dan dalaman, serta ianya dipatuhi dan beroperasi secara berkesan dalam menggalakkan kecekapan dan amalan yang sesuai serta melindungi aset Syarikat/Kumpulan;
- (c) Bertindak sebagai pihak bebas dan objektif dalam mengkaji semula maklumat kewangan Syarikat/ Kumpulan yang dibentangkan oleh pihak Pengurusan kepada Lembaga dan para Pemegang Saham;
- (d) Mengkaji keputusan suku tahunan dan penyata kewangan akhir tahun Syarikat/Kumpulan serta menentukan kepatuhan dengan standard perakaunan dan keperluan perundangan;
- (e) Mengkaji semula dan meluluskan skop audit, pelan audit dan laporan audit luar dan dalaman;
- (f) Menilai kecukupan dan keberkesanan sistem pengawalan Pengurusan Syarikat/Kumpulan melalui kajian semula laporan audit luar dan dalaman yang membentangkan perakaunan dalaman, kelemahan kawalan organisasi dan operasi serta untuk menentukan langkah-langkah pembetulan yang sewajarnya dilaksanakan oleh Pengurusan;
- (g) Menentukan kecukupan skop, fungsi dan sumber fungsi audit dalaman serta mereka mempunyai kuasa yang diperlukan untuk menjalankan kerja mereka;
- (h) Menentukan melalui perbincangan dengan juru audit luar dan dalaman yang tiada sekatan yang dikenakan oleh pihak Pengurusan dan kakitangan pada skop pemeriksaan mereka;
- (i) Mengarah dan mengawal selia sebarang projek atau penyiasatan khas apabila perlu;
- (j) Menyediakan apabila perlu, laporan berkala kepada Lembaga yang meringkaskan tentang kerja-kerja yang dijalankan dalam memenuhi tanggungjawab utama Jawatankuasa;
- (k) Mengkaji semula sebarang urus niaga pihak yang berkaitan dan situasi yang berkonflik kepentingan yang mungkin timbul dalam Syarikat/Kumpulan termasuk sebarang urus niaga, prosedur atau tatacara yang menimbulkan persoalan terhadap integriti pengurusan; dan
- (l) Mengkaji semula pelantikan tahunan juru audit luar, atau surat perletakkan jawatan daripada juruaudit luar untuk berunding dan meluluskan yuran audit tahunan dan/atau yuran audit khas, serta menilai asas bilnya.



Aktiviti

Berikut adalah ringkasan aktiviti utama yang dijalankan oleh Jawatankuasa sepanjang tahun:

- Mengkaji semula dan meluluskan pelan audit tahunan Jabatan Audit Dalaman termasuk sumber dan keperluan latihan;
- Mengkaji semula kaedah Jabatan Audit Dalaman dalam menilai dan mengandarkan tahap risiko pelbagai bahagian yang boleh diaudit dan menentukan yang audit tersebut mengutamakan bahagian yang berisiko tinggi dan kritikal;
- Mengawal kemajuan Jabatan Audit Dalaman dalam melengkapkan pelan auditnya dan menilai prestasi Jabatan;
- Mengkaji semula kecukupan dan keberkesanan sistem kawalan, laporan dan pengurusan risiko dalam menentukan adanya kaedah sistematik untuk mengenal pasti, menilai dan mengurangkan/mengawal bahagian risiko;
- Mengkaji semula dan membincangkan laporan-laporan Jabatan Audit Dalaman, termasuk penyiasatan dalaman, BNM, juruaudit luar dan lain-lain pihak luar, menilai tindakan pihak Pengurusan dan seterusnya mengarahkannya pihak Pengurusan untuk mengambil langkah-langkah pembetulan yang sewajarnya. Jawatankuasa juga perlu menjalankan tindakan susulan terhadap isu-isu penting yang dibangkitkan dalam laporan tersebut;
- Mengkaji semula dan berbincang tentang kedudukan kewangan syarikat, terutamanya kecukupan modal, kualiti aset, pengurusan, keuntungan dan kedudukan kecairan pada setiap dua bulan;
- Mengkaji semula kecukupan prosedur Kumpulan dalam mengenal pasti, mengawal, melaporkan dan mengkaji semula urus niaga pihak yang berkenaan;
- Mengkaji semula keputusan suku tahun dan penyata kewangan syarikat; dan
- Mengkaji semula skop kerja juruaudit luar serta yuran audit tahunan mereka.

Fungsi Audit Dalaman

Kumpulan mempunyai Jabatan Audit Dalaman yang mantap yang melaporkan kepada Jawatankuasa Audit dan membantu Lembaga Pengarah dalam mengekalkan sistem kawalan dalaman yang kukuh. Piagam Audit Kumpulan adalah untuk melindungi kebebasan fungsi audit dalaman apabila Ketua Audit Kumpulan melaporkan kepada Jawatankuasa Audit.

26

Jawatankuasa Audit meluluskan kerja-kerja fungsi audit dalaman serta mengkaji semula dan mengawasi penyelesaian kerja-kerjanya. Pelan audit tahunan Jabatan Audit Dalaman adalah diluluskan oleh Jawatankuasa Audit. Fungsi Audit Dalaman merangkumi semua unit dan operasi dalam Kumpulan dengan penekanan utama diberikan kepada unit-unit berisiko tinggi. Kekerapan audit bergantung kepada profil risiko unit perniagaan atau operasi dan unit berisiko tinggi diaudit sekurang-kurangnya sekali setahun.

Fungsi audit ini merangkumi semua kumpulan utama perniagaan dan terdiri dari lima kategori kerja yang utama:

- (1) Audit yang telah dirancang
- (2) Kajian semula kitaran hidup pembangunan sistem bagi projek-projek prasarana IT yang utama
- (3) Kajian fokus yang khusus
- (4) Audit mandatori
- (5) Kajian segera dan tugas khas

Pelan audit merangkumi kajian kecukupan pengurusan risiko, kawalan operasi, kepatuhan pada undang-undang dan peraturan, kualiti aset, keberkesanan pengurusan dan tahap perkhidmatan pelanggan. Pelan audit dibentuk berdasarkan risiko perniagaan semula jadi dan kawalan risiko dalam setiap unit operasi serta kepentingan dari segi kewangan. Kajian semula ini adalah pada pendekatan yang berdasarkan risiko dan bukan hanya setakat mematuhi peraturan.

Fungsi audit dalaman dijalankan pada asas Kumpulan untuk menentukan konsistensi dalam kawalan persekitaran serta dalam perlaksanaan polisi dan prosedur. Langkah yang sistematik dan berdisiplin diambil untuk memberikan keyakinan yang diperlukan kepada mereka yang berkepentingan, dan juga untuk menambah nilai serta meningkatkan operasi Kumpulan dengan memberikan pandangan yang bebas dan objektif. Bahagian audit dalaman terdiri daripada 80 orang profesional.

